

ATEKLINE TABLETS 50MG

Atenolol

What is in this leaflet

1. What Atenolol is and what it is used for
 2. Before you take Atenolol Tablets
 3. How to take Atenolol Tablets
 4. Possible side effects
 5. Storing Atenolol Tablets
 6. Further Information
- The tablets will be called Atenolol Tablets in this leaflet.

What Atenolol is used for

Atenolol Tablets belongs to a group of medicines called beta-blockers. Beta-blockers can be used to treat high blood pressure (hypertension) or chest pain (angina). They may also be used to keep the heart beating regularly or to protect it after a heart attack.

How Atenolol works

Beta-blockers cause the muscles of the heart to relax. This helps to lower high blood pressure and lessens the pains of angina. Beta-blockers also help to keep the heart beating regularly, by blocking the chemicals that make it beat faster. Beta-blockers can be given after a heart attack (Myocardial infarction) to protect the heart from further damage.

Before you take Atenolol

When you must not take it

If you answer YES to the following question, or are not sure, talk to your doctor before taking this medicine:

- Have been told or know that you have had a reaction to Atenolol or any of the ingredients of the tablets? Check by reading the list of ingredients above.
- Are you pregnant or planning to become pregnant?
- Are you breast-feeding?

- Have you been told that you suffer from any heart problems other than angina – such as heart block, or do you have breathlessness, tiredness or ankle swelling due to heart disease?
- Do you suffer from, or have a history of wheezing asthma?
- Do you have any kidney problems?
- Have you been told that you suffer from metabolic acidosis, a condition in which the body's fluids become more acidic?
- Have you been told that you suffer from phaeochromocytoma, a tumour located in the adrenal glands that can cause hypertension, and attacks of palpitation, headache, nausea and sweating?
- Do you suffer from psoriasis, a type of skin disorder?
- Have you been told that you suffer from a disease of the thyroid gland?

Before you start to take it

Follow the instructions listed in the sections below before you start taking Atenolol Tablets.

Taking other medicines

If you are taking any other medicines when you are taking Atenolol Tablets, it may affect how well it works. Make sure that your doctor knows what other medicines you are taking. Do not take any other medicines while you are taking Atenolol Tablets unless you have told your doctor or pharmacist and asked for their advice.

Examples of medicines that can affect Atenolol Tablets are:

- Any other treatment for high blood pressure or irregular heartbeats including: water

pills (diuretics), guanethidine, reserpine, clonidine, hydralazine, digitalis, disopyramide

- Compounds which depress or stimulate the heart such as chloroform, lidocaine, procainamide, isoprenaline, verapamil, diltiazem or adrenaline (epinephrine)
- Insulin and oral antidiabetic agents such as chlorpropamide or glibenclamide which are used to treat diabetes
- Cimetidine, which is used to treat ulcers
- Barbiturates such as phenobarbitone
- Some medicine used to relieve pain and treat arthritis such as ibuprofen and indomethacin
- Phenothiazines such as chlorpromazine that is used to treat some forms of mental illness
- If you are going to have surgery involving an anaesthetic, let your doctor know that you are taking Atenolol Tablets
- The use of alcohol at the same time as Atenolol Tablets may increase the effect of the medicine

Ask your doctor or pharmacist if you are concerned about this possible interaction.

How to take Atenolol Tablets

How much to take

- You will be started on a low dose of Atenolol. This will gradually be increased until your condition is controlled. Your doctor has carefully chosen the correct dose.
- The dose of Atenolol Tablets can be varied by your doctor to suit your individual needs. Do not alter the dose unless your doctor has told you to.

- Always read the label before taking the medicine

High Blood Pressure

The usual dose is one to two tablets, once a day.

Angina

The usual dose is two tablets once a day, or one tablet twice a day.

Irregular heart beats

The usual dose is one to two tablets, once a day.

After a heart attack

You will normally be started on Atenolol in hospital after a heart attack, normally by intravenous injection.

Between 15 minutes and 12 hours after the injection you will normally be given one tablet, and then after a further 12 hours, two tablets. You will then need to take two tablets a day for up to ten days.

When to take it

Atenolol Tablets should be taken by mouth.

How long to take it

You should keep taking your Atenolol regularly unless your doctor tells you otherwise. Keep your doctor appointments, even if you feel well.

It is important not to stop taking these tablets without talking to your doctor.

If you forget to take it

If you forget to take a dose do not worry. Take your normal dose when it is due, but never take two doses at the same time to catch up.

If you take too much (overdose)

If you accidentally take an overdose, contact your nearest hospital casualty department or your doctor immediately. Take the container and any remaining tablets with you if you go to the hospital.

While you are using Atenolol*Things you must do*

Check with your doctor or pharmacist before taking your medicine and take it as prescribed by your doctor.

Things you must not do

This medicine has been prescribed for you personally and you should not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.

Things to be careful of

If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effect not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

Side Effects

Like many medicines, Atenolol may occasionally cause some unwanted effects. These are normally mild.

Atenolol Tablets may occasionally produce drowsiness, dizziness, light-headedness, and blurred vision.

If this happens to you, you should take care whilst driving or using machinery.

You may experience coldness of the hands and feet, tired muscles, or rarely, slowed heartbeats or sleep disturbances. Beta-blockers can cause dry mouth, nausea and vomiting, diarrhea, constipation and abdominal cramps.

Skin rashes and/or dry eyes have also been reported with Beta-blockers.

Tell your doctor or pharmacist if you experience these or any other troublesome side effects.

Storage and Disposal of Atenolol

Keep your tablets out of reach and sight of children. Do not store above 30°C. Store in a dry place. Do not use this medicine after the expiry date shown on the carton. Return any unused

tablets to your pharmacist for safe disposal.

Product Description*What it looks like*

Atenolol Tablets are white, round shaped, normal convex, film-coated and embossed 'GS UN1' on one side.

Each carton contains 28 tablets of Atenolol 50mg.

Ingredients

The active substance is Atenolol.

The other ingredients are talcum powder, sodium starch glycolate, magnesium stearate, lactose 200 mesh, polyvinylpyrrolidone, dioctyl sodium sulphosuccinate, polymethacrylate, acetone, microcrystalline cellulose, colloidal silicon dioxide, isopropyl alcohol, starch, titanium dioxide

MAL10110015AC

Manufacturer

Xepa-Soul Pattinson (M) Sdn Bhd
1-5, Cheng Industrial Estate,
Melaka, Malaysia

Date of Revision

16 April 2012

TABLET ATEKLINE 50MG

Atenolol

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah dia Tablet Atenolol dan apakah kegunaannya
 2. Sebelum anda mengambil Tablet Atenolol
 3. Bagaimana untuk mengambil Tablet Atenolol
 4. Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku
 5. Bagaimana untuk menyimpan Tablet Atenolol
 6. Maklumat lanjut
- Tablet ini dipanggil Tablet Atenolol di dalam risalah ini.

Apakah kegunaan Atenolol

Tablet Atenolol termasuk dalam kumpulan ubatan yang dikenali sebagai ubat beta-blocker. Beta-blocker boleh digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi) atau sakit dada (angina). Ubatan tersebut juga boleh digunakan untuk memastikan jantung berdegup seperti biasa atau melindunginya selepas serangan jantung.

Bagaimana Atenolol berfungsi

Beta-blocker menyebabkan otot jantung berehat. Ini dapat membantu bagi menurunkan tekanan darah tinggi dan mengurangkan kesakitan angina. Beta-blocker juga membantu untuk memastikan jantung dapat berdegup seperti biasa dengan menyekat bahan kimia yang menyebabkan ia berdegup dengan pantas. Beta-blocker boleh diberikan selepas serangan jantung (infarkts miokardium) untuk melindungi jantung daripada terus rosak.

Sebelum mengambil Atenolol

Bila tidak boleh mengambil

Jika anda member jawapan YA bagi soalan-soalan di bawah, atau anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubatan ini:

- Anda telah diberitahu atau tahu yang anda mempunyai reaksi terhadap Atenolol atau kandungan lain di dalam tablet? Sila semak dengan membaca senarai kandungan bahan di atas
- Adakah anda hamil atau merancang untuk hamil?
- Adakah anda menyusukan anak?
- Adakah anda diberitahu yang anda mengalami sebarang masalah jantung selain angina – seperti jantung tersekat, atau anda mengalami sesak nafas, keletihan atau pembengkakan pada buku lali disebabkan oleh penyakit jantung?
- Adakah anda mengalami atau mempunyai sejarah penyakit asma?
- Adakah anda mempunyai sebarang masalah buah pinggang?
- Adakah anda diberitahu yang anda mengalami asidosis metabolic, keadaan di mana cecair badan menjadi lebih berasid?
- Adakah anda telah diberitahu yang anda menghidapi phaemachmmocytoma, ketumbuhan yang terletak pada kelenjar adrenal yang boleh menyebabkan hipertensi dan berdebar-debar, sakit kepala, loya dan berpeluh?
- Adakah anda mengalami psoriasis iaitu sejenis penyakit kulit?
- Adakah anda diberitahu bahawa anda mengalami penyakit kelenjar thyroid?

Sebelum mula mengambil

Rujuk bahagian yang berkaitan sebelum mula mengambil ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Jika anda mengambil ubatan lain ketika anda mengambil Tablet Atenolol, ini mungkin memberi kesan terhadap fungsinya. Pastikan doktor anda mengetahui jenis ubatan yang diambil oleh anda. Jangan mengambil sebarang ubatan lain ketika anda mengambil tablet Atenolol melainkan jika anda telah memberitahu kepada doktor atau ahli farmasi anda dan mendapatkan nasihat mereka. Contoh-contoh ubatan yang boleh menjejaskan keberkesanan Tablet Atenolol adalah:

- Rawatan lain yang digunakan untuk tekanan darah tinggi atau degupan jantung yang luar biasa termasuk: pil air (diuretic), guanethidine, reserpine, clonidine, hydralazine, digitalis, disopyramide
- Kompaun yang mengurangkan aktiviti atau merangsang jantung anda seperti kloroform, lidocaine, procainamide, isoprenaline, verapamil, diltiazem atau adrenaline (epinephrine)
- Insulin dan ubat antidiabetik yang ditelan seperti chlorpropamide atau glibenclamide yang digunakan untuk merawat diabetes
- Cimetidine yang digunakan untuk merawat ulser
- Barbiturate seperti phenobarbitone
- Sesetengah ubatan digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan merawat arthritis seperti ibuprofen dan indomethacin
- Phenothiazine seperti chlorpromazine yang digunakan untuk merawat beberapa jenis penyakit mental

- Jika anda akan menjalani pembedahan yang melibatkan anaestetik, maklumkan kepada doktor anda bahawa anda sedang mengambil Tablet Atenolol
- Penggunaan alkohol bersama dengan Tablet Atenolol boleh meningkatkan kesan terhadap ubatan

Bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda bimbang terhadap interaksi yang mungkin terjadi.

Cara menggunakan Atenolol

Berapa banyak harus diambil

- Anda akan bermula dengan dos Atenolol yang rendah. Dos akan ditambah secara beransur-ansur sehingga keadaan anda terkawal. Doktor anda telah memilih dos yang tepat dengan berhati-hati.
- Dos tablet Atenolol boleh diubah oleh doktor anda untuk disesuaikan dengan keperluan anda. Jangan mengubah dos tersebut kecuali dengan arahan doktor.
- Sentiasa membaca label sebelum mengambil ubatan.

Tekanan Darah Tinggi

Dos biasa adalah satu hingga dua tablet, sekali sehari

Angina

Dos biasa adalah dua tablet sekali sehari, atau satu tablet dua kali sehari

Degupan jantung yang tidak teratur

Dos biasa adalah satu hingga dua tablet, sekali sehari

Selepas serangan jantung

Biasanya anda akan mula mengambil Atenolol di hospital setelah mengalami serangan jantung dalam bentuk suntikan intervena. Biasanya anda akan diberikan 1 tablet diantara 15 minit dan 12 jam selepas suntikan dan 2 tablet selepas 12 jam berikutnya. Seterusnya, anda dikehendaki mengambil 2

tablet sehari sehingga sepuluh hari.

Bila perlu diambil

Tablet Atenolol seharusnya ditelan.

Berapa lama perlu diambil

Anda perlu mengambil Atenolol secara berterusan melainkan doktor anda memberitahu sebaliknya. Sentiasa menghadiri temujanji yang telah ditetapkan walaupun anda berasa cukup sihat. Adalah penting untuk tidak berhenti mengambil ubatan ini tanpa nasihat dari doktor.

Jika terlupa mengambil

Jangan risau jika anda terlupa untuk mengambil dos yang ditetapkan. Ambil dos yang biasa bila tiba masanya, tetapi jangan sesekali mengambil dos berganda dalam masa yang sama untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda tidak sengaja mengambil dos berlebihan, sila hubungi bahagian kecemasan hospital yang berdekatan atau doktor anda dengan segera. Sila bawa bekas serta baki tablet yang tinggal bersama anda jika anda pergi ke hospital.

Semasa menggunakan Atenolol

Perkara yang perlu dilakukan

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Atenolol dan ikut preskripsi doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk kegunaan sendiri dan jangan memberikannya kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan mereka walaupun mereka mempunyai tanda-tanda yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi semakin serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Atenolol mungkin sesekali menyebabkan kesan yang tidak dikehendaki. Perkara ini jarang berlaku.

Tablet Atenolol mungkin sesekali menghasilkan rasa mengantuk, pening kepala, pening lalat dan penglihatan yang kabut. Jika ini terjadi kepada anda, anda perlu lebih berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin. Anda mungkin mengalami kesejukan di bahagian tangan dan kaki, otot yang keletihan, atau keadaan yang jarang berlaku iaitu degupan jantung yang lemah atau gangguan semasa tidur.

Beta-blocker boleh menyebabkan mulut kering, loya dan muntah, cirit-birit, sembelit dan berlaku kekejangan otot di bahagian perut.

Ruam kulit dan/atau mata kering juga pernah dilaporkan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan-kesan tersebut atau kesan-kesan sampingan yang lain yang mengganggu anda.

Cara penyimpanan dan pelupusan Tablet Atenolol

Simpan tablet anda jauh dari capaian dan pandangan kanak-kanak. Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C. Simpan di tempat yang kering. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luputnya seperti yang tertera di kotak ubat. Pulangkan tablet yang tidak digunakan kepada

ahli farmasi anda bagi tujuan
pelupusan dengan selamat.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet Atenolol berwarna putih,
berbentuk bulat, cembung biasa,
bersalut filem dan diukir 'GS
UN1' pada permukaan satu
belah.

Setiap kotak mempunyai 28 biji
Tablet Atenolol 50mg.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif adalah Atenolol.
Bahan-bahan lain adalah bedak
talek, glikolat kanji natrium,
magnesium stearate, laktosa 200
mesh, polyvinylpyrrolidone,
dioctyl sodium sulphosuccinate,
polymethacrylate, acetone,
selulosa mikrokristalin, silikon
dioksia koloid, kanji, titanium
dioksida

MAL10110015AC

Pengilang

Xepa-Soul Pattinson (M) Sdn
Bhd
1-5, Cheng Industrial Estate,
Melaka, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16 April 2012